



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA**

**PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA**

Blok C1 - C3, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-80008000  
Faks (Fax): 603-88892208  
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/4/53-5 Jld.2 (38)

Tarikh : 11 Januari 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**URUSAN PERSEDIAAN PEMANGKUAN PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT (PSP)  
GRED N19 KE GRED N22 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) akan melaksanakan urusan pemangkuan bagi jawatan Pembantu Setiausaha Pejabat (PSP) Gred N22 dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengemukakan maklumat PSP Gred N19 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- 2.1 Telah **disahkan dalam perkhidmatan**;
- 2.2 Dilantik dalam Skim Perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N19 pada **31 Disember 2012 dan sebelum**;
- 2.3 **Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan Gred N19 berubah ke tarikh 1 Januari 2013 dan seterusnya**;
- 2.4 Markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2017, 2018 dan 2019) **tidak kurang 80%**;
- 2.5 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)(salinan disertakan);
- 2.6 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.7 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.8 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 2.9 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

2/...

3. Semua permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C** seperti disertakan. **Bagi calon-calon yang telah diperaku melalui Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 2020 bertarikh 10 Mac 2020 dan belum ditawarkan pemangkuan ke Gred N22, calon perlu mengemukakan semula permohonan pemangkuan ini.**

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 11 Februari 2021** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 1, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 PUTRAJAYA**  
(u.p.: Puan Nur Sara Que Zana binti Abdullah)

5. Dimaklumkan bahawa, menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **perenggan 2 sahaja** dikemukakan ke JPA. BPSM juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan). Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima** tidak akan diproses.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- i. Puan Nor Haslina binti Ibrahim - 03-8885 4311  
([haslina.ibrahim@jpa.gov.my](mailto:haslina.ibrahim@jpa.gov.my))
- ii. Tuan Nur Shuhada binti Tuan Abdullah - 03-8885 4161  
([shuhada.abdullah@jpa.gov.my](mailto:shuhada.abdullah@jpa.gov.my))

7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NUR SARA QUE ZANA BINTI ABDULLAH)**

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama  
Bahagian Perkhidmatan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

**MALAYSIA**

☎ : 03-8885 4110

✉ : [nursara.abdullah@jpa.gov.my](mailto:nursara.abdullah@jpa.gov.my)